

k

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACK-1395

INVC... nms 18/2/02

**KEDUDUKAN BUKAN ISLAM DALAM PERUBAHAN  
SOSIO-POLITIK DI MALAYSIA MENURUT TEORI  
FIQH: ANALISIS PELAKSANAANNYA**

**SITI SHAMSI AH BT. MD. SUP I**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573632

**JABATAN SIA SAH SYAR'IYYAH  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
2001**

# ABSTRACT

Changes occur in a society. As such any social study has to take into consideration theories of changes. While theories of relations are a part of social change theories and this results in peaceful coexistence or conflicts. These changes also include relationships between races and different religious.

**The Position of Non-Muslims in the Socio-Political Changes in Malaysia Complies with the Fiqh Theory: Analysis to its Implementations**, in the dissertation to explain the issues of non-Muslim's position, status and role in the changes that take place in Malaysia. This study is also clarifies the relationships between Muslims and non-Muslims in Malaysia.

The position of non-Muslims is enshrined in the Malaysian Constitution and social system in Malaysia. As a result of the developments, there are questions and issues about their position in Syariah law perspectives.

All these issue will then be justified by the fiqh methodology so as to find their significances are values from the Islamic perspectives, whether their position is consistent or otherwise with the Syariah law today.

This research also studies the factors that affect the position of non-Muslims today. Empirically, the non-Muslims in general have equal socio-political freedom as the Muslims. In the following chapters I will discuss whether this socio-political freedom is temporary or permanent in nature. This dissertation will use the fiqh method that evaluates and justifies the factors that have been contributive to this phenomenon.

In conclusion, this study attempts to prove that Islam is capable of managing societies' problems. This is in reference to the non-Muslims position in socio-political changes where this phenomenon has come to pass in recent time.

# ABSTRAK

Perubahan merupakan suatu fenomena yang pasti berlaku di dalam masyarakat. Oleh sebab itu sebarang kajian yang bersifat sosial pasti akan mengambil kira teori perubahan ini. Sementara itu teori perhubungan adalah sebahagian daripada teori perubahan sosial yang menggariskan bentuk-bentuk hubungan damai atau konflik, termasuklah perhubungan antara kaum dan agama yang berlainan.

**Kedudukan Bukan Islam Dalam Perubahan Sosio-Politik di Malaysia Menurut Teori Fiqh: Analisis Pelaksanaannya**, merupakan satu kajian ilmiah yang berfungsi untuk menghuraikan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan orang bukan Islam di Malaysia dari aspek kedudukan, status dan peranan yang mereka mainkan dalam perubahan sosio-politik yang berlaku di Malaysia. Selain itu kajian ini juga berperanan untuk menjelaskan mengenai perhubungan antara masyarakat Islam dengan bukan Islam di Malaysia.

Dalam konteks perhubungan, kedudukan bukan Islam telah pun terbentuk berasaskan kepada beberapa faktor. Kedudukan ini akhirnya diberi pengiktirafan oleh Perlembagaan dan sistem sosial di Malaysia. Oleh sebab itu wujud pelbagai persoalan tentang kedudukan mereka dari sudut hukum Syarak.



Persoalan-persoalan ini kemudiannya akan diberi justifikasi menggunakan pendekatan fiqh untuk mendapatkan penilaian dari perspektif Islam sama ada kedudukan mereka yang sedia ada ini mendapat tempat di dalam hukum Syarak atau sebaliknya.

Kajian ini turut mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan orang bukan Islam di Malaysia berada dalam keadaan pada hari ini. Secara empirikalnya, keadaan ini bermaksud masyarakat bukan Islam pada hari ini mempunyai kebebasan sosial dan politik yang sama sebagaimana masyarakat Islam di Malaysia. Penulis juga akan turut membincangkan sama ada faktor-faktor tersebut dapat menjamin keadaan yang damai pada hari ini akan kekal atau pun hanya bersifat sementara. Perbincangan ini akan dilakukan menggunakan kaedah fiqh yang akan memberi nilai atau justifikasi terhadap faktor-faktor tersebut. Cadangan akan dibentuk sekiranya keadaan yang sedia ada mempunyai kelemahan dan kurang menepati Syariat Islam.

Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk melihat bagaimana potensi yang ada pada Islam dapat digunakan dalam menguruskan persoalan-persoalan masyarakat, seperti kedudukan bukan Islam dalam perubahan sosio-politik, yang sentiasa berubah menurut perubahan masa dan zaman.

# **PENGHARGAAN**

Melalui ruangan ini, penulis ingin sekali merakamkan sejuta penghargaan kepada yang berbahagia Ustaz Ruzman Md. Noor selaku penyelia di dalam tugas ini.

Sekalipun penyeliaan merupakan antara tugas seorang pensyarah, tetapi beliau telah melaksanakan tugas beliau dengan begitu dedikasi dan cemerlang sebagai seorang penyelia. Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar bagaimana untuk menyempurnakan satu tugas yang tidak semata-mata sebagai memenuhi syarat pencalonan Ijazah Sarjana, malah lebih daripada itu, untuk menjadikan penyelidikan sebagai satu bahan yang boleh memberi manfaat kepada pembangunan kemanusiaan. Sesungguhnya, penulis telah mendapat banyak pengajaran yang berguna daripada beliau.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut memberikan sumbangan idea kepada kajian ini seperti Prof. Madya Alias Othman yang pernah menyelia penulis buat beberapa ketika, Ustaz Shukeri Mohamad, Prof. Madya Mohammad Abu Bakar dan En. Makmor Tumin serta lain-lain pensyarah yang secara tidak langsung telah membantu menyempurnakan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Prof. Hassan Hanafi daripada University of Cairo.

Penulis juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada semua kaki tangan badan kerajaan dan bukan kerajaan yang telah memberikan kerjasama

yang baik kepada penulis. Terutamanya kepada En. Bahtiar Buyong (Pen. Setiausaha Kerajaan SPSUPPN), En. Azman Misri (Pen. Peg. Penilaian Majlis Daerah Batu Pahat), En. Rahim Abu Bakar (Ketua Pen. Peng. JPPN Unit Perancang Ekonomi), Dato' Abdul Munir Yaacob (Peng. IKIM), serta kaki tangan Arkib Negara. Kerjasama yang telah diberikan oleh mereka ini adalah sumbangan yang benar-benar bermakna kerana dasar, polisi dan pendirian kerajaan dapat dimaklumi secara benar.

Di ruangan ini, penulis juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan satu penghargaan yang amat bermakna kepada suami tercinta penulis, En. Zainul Azhar Muhammad Ali, insan yang paling banyak berkorban sepanjang penulis menjalankan kajian ini. Bermula daripada cadangan melanjutkan pelajaran, beliau telah menyediakan kemudahan dan keselesaan yang paling maksimum kepada penulis untuk menjalankan kajian ini. Beliau juga banyak mengajar penulis untuk melalui cabaran dan dugaan kehidupan.

Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga, saudara-mara dan sahabat-sahabat yang memberikan panduan teknikal, galakan dan nasihat. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua.

April 2001

-----

Muharram 1422H

Siti Shamsiah Hj. Md. Supi

Bandar Sri Damansara

52200 Kuala Lumpur.

## AKRONIM

|        |                                    |
|--------|------------------------------------|
| s.w.t. | Subhanahu wa Ta'ālā                |
| s.a.w. | SallalLāhu 'alayhi wasallam        |
| ABIM   | Angkatan Belia Islam Malaysia      |
| D.B.P. | Dewan Bahasa dan Pustaka           |
| IKIM   | Institut Kefahaman Islam Malaysia  |
| K.L.   | Kuala Lumpur                       |
| SPR    | Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia   |
| USNO   | United Sabah National Organisation |
| UM     | Universiti Malaya                  |
| Dr.    | Doktor.                            |
| Enak.  | Enakmen                            |
| Hal.   | halaman.                           |
| Hj.    | Haji.                              |
| Per.   | Perkara (Perlembagaan Persekutuan) |
| s.     | seksyen.                           |
| ss.    | seksyen-seksyen                    |
| Prof.  | Professor                          |
| ed.    | Edisi atau editor                  |
| eds.   | Editor-editor                      |
| terj.  | terjemahan oleh                    |
| t.n.p. | tanpa nama penerbitan              |
| t.p.   | tanpa tempat percetakan            |
| t.t.   | tanpa tarikh                       |

## **SENARAI STATUT**

Perlembagaan Persekutuan

Akta Eksais 1976 [176]

Akta Hasutan 1948

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]

Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan) [Akta A484 / 1980]

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 13]

Akta Polis 1967 [Akta 344]

Kanun Kesiksaan [Akta A549].

Ordinan Perkhidmatan Negara 1952 [Akta 425]

Ordinan Penjara 1952

### **Wilayah Persekutuan**

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Wilayah Persekutuan [Akta 505]

### **Negeri Johor**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Johor (Pindaan) No. 8/ 1993

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada

Orang Islam Johor No. 11 / 1991;

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Johor Bil. 5 / 1975

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor No. 14 / 1978

## **Negeri Sembilan**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Negeri Sembilan 1959

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Negeri Sembilan No. 9 / 1991

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Sembilan No. 9 / 1980

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan No. 4 / 1992

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan No. 1 / 1991

## **Negeri Pahang**

Enakmen Undang-undang Negeri Pahang 1962

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Pahang No. 5 / 1989

Enakmen Pentadbiran Pentadbiran Undang-undang Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pindaan) No. 4 / 1989

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang No. 8 / 1982

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang No. 3 / 1991

## **Negeri Perak**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Perak 1960

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Perak No. 10 / 1988

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Perak Bil. 5 / 1992

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak Bil. 2 / 1992

### **Negeri Perlis**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Perlis 1962 (Pindaan) No. 2 / 1964

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Perlis Bil. 7 / 1987

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Negeri Perlis Bil. 5 / 1992

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (Pindaan) Bil. 7/1988

### **Negeri Pulau Pinang**

Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) No. 3 / 1995

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang No. 7 / 1993

### **Negeri Sabah**

Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah 1977

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah No. 13 / 1992

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah (Pindaan) No. 30 / 1981

The Law of North Borneo [ Cap. 68 ]

The Law of North Borneo [Cap. 68] (Add.) Sabah Enactment No. 22 / 1978

### **Negeri Sarawak**

Ordinan Mahkamah Syariah Sarawak No. 4 / 1991

Sarawak Land Code [Cap. 81]

### **Negeri Selangor**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Negeri Selangor 1959

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Selangor Bil. 3 / 1991

## **Negeri Kedah**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Kedah (Pindaan) No. 9 / 1967

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Kedah No. 11 / 1988

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Kedah Bil. 12 / 1991

Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 1983 No. 1

Enakmen Pentadbiran Orang Islam Kedah No. 9 / 1962

## **Negeri Kelantan**

Enakmen Perlembagaan Negeri Kelantan (Pindaan) No. 3 / 1994

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Kelantan No. 11 / 1981

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No. 3 / 1982

## **Negeri Melaka**

Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka 1957 (Pindaan) No. 9 / 1993

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Melaka No. 1 / 1988

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Melaka No. 3 / 1980

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka No. 6 / 1991

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Melaka No. 6 / 1985

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Orang Islam Melaka (Pindaan) No. 7 / 1982



Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 / 1989

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor (Pindaan) No. 8 / 1995

**Negeri Terengganu**

Enakmen Undang-undang Perlembagaan Terengganu (Pindaan) No. 3 / 1993

Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam Terengganu No. 1 / 1980.

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu No. 12 / 1985

Enakmen Pengawalan Penternakan Babi Negeri Terengganu Bil. 5 / 1976

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu (Pindaan) No. 1 / 1992

## TRANSLITERASI DAN TERJEMAHAN

### Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi

| Huruf Arab | Huruf Rumi | Huruf Arab | Huruf Rumi |
|------------|------------|------------|------------|
| ا          | -          | ط          | t          |
| ب          | b          | ظ          | z          |
| ت          | t          | ع          | '          |
| ث          | th         | غ          | gh         |
| ج          | j          | ف          | f          |
| ح          | h          | ق          | q          |
| خ          | kh         | ك          | k          |
| د          | d          | ل          | l          |
| ذ          | dh         | م          | m          |
| ر          | r          | ن          | n          |
| ز          | z          | و          | w          |
| س          | s          | هـ, ا      | h          |
| ش          | sy         | ع          | '          |
| ص          | s          | ي          | y          |
| ض          | ḍ          | ة          | t          |

#### Vokal

##### 1. Pendek

ا a  
 ا i  
 و u

##### 2. Panjang

ا ā  
 ا i  
 و ū

##### 3. Diftong

اي ay  
 او aw

Transliterasi yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

Penggunaan istilah-istilah fiqh ataupun terjemahan perbendaharaan kata Arab adalah berpandukan kepada Glosari Uşul-Fiqh yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).

Istilah-istilah Arab yang telah diterima pakai di dalam Bahasa Melayu digunakan berpandukan kepada Kamus Dewan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1997).

## PENDAHULUAN

Perbincangan berkaitan dengan orang-orang bukan Islam biasanya dibincangkan menggunakan pendekatan fiqh secara fundamental dan bersifat klasik. Sedangkan hakikat dalam aspek perubahan sosio-politik, orang-orang bukan Islam merupakan unsur yang bukan sahaja menerima kesan perubahan daripada unsur lain, malah juga sebagai faktor aktif yang turut menyebabkan perubahan kepada unsur-unsur lain di dalam sesebuah masyarakat atau satu-satu situasi seperti alam sekeliling atau sesebuah kawasan.

Penyelidikan atau penulisan yang bersifat tradisional dan berasaskan kepada fundamentalisme<sup>1</sup> sebenarnya boleh dilihat dalam kebanyakan kitab

---

<sup>1</sup> Fundamentalisme secara asasnya diertikan sebagai satu pemikiran yang berpegang kepada satu-satu agama atau teori dalam bentuknya yang asli, tanpa menerima idea-idea yang baharu. Lihat Hajah Noresah Baharom et al., eds., Kamus Dewan, ed. Ke3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997) 687. Jika kita melihat kepada sejarah istilah ini dilahirkan, fundamentalisme adalah merujuk kepada gerakan militan Protestan konservatif yang begitu menonjol di Amerika Syarikat pada tahun-tahun 1920-an. Pemikiran ini mengandungi doktrin-doktrin keagamaan berkenaan agama Kristian yang menjadi pegangan golongan fundamentalis. Lihat The Encyclopedia Americana (International Edition) vol. 12, cet. semula (Grolier Incorporated, 1991) 164. Walau bagaimanapun, konsep fundamentalisme ini kemudiannya digunakan secara popular bagi situasi-situasi kontemporari dalam dunia bukan Kristian (*non-Christian*). Lihat Anson Shupe and Jeffrey K. Hadden, "Is There Such a Thing as Global Fundamentalism?", Secularization and Fundamentalisme Reconsidered ed. Jeffrey K. Hadden and Anson Shupe, vol. 3 (New York: Paragon House, 1989) 119. Pada tahun-tahun 1980-an konsep fundamentalisme ini digunakan secara lebih meluas tetapi longgar, iaitu untuk menyifatkan golongan-golongan yang fanatik dan konservatif dalam sesuatu agama dengan agenda politik tanpa mengendahkan hukum-hukum tradisi. \_\_\_\_\_, "Introduction", Secularization and Fundamentalisme Reconsidered, op. cit., xxii. Konsep yang digunakan secara negatif ini turut digunakan dalam menggambarkan golongan fundamentalis Islam. Oleh sebab itu, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan berlaku, fundamentalisme Islam yang digunakan bagi maksud kajian ini adalah bermaksud satu pemikiran yang berpegang teguh kepada hukum-hukum Islam yang dilaksanakan ketika Islam mempunyai persekitaran yang menyokong ia diamalkan secara sempurna. Pengaruh Islam ketika itu dalam pemerintahan adalah amat dominan sekalipun untuk menaungi masyarakat bukan Islam. Selaras dengan konsepnya yang asal, fundamentalisme enggan menerima idea-idea yang baharu dalam keadaan persekitaran dan pengaruh Islam telah berubah kepada keadaan yang tidak begitu menggalakkan hukum-hukum Islam yang ideal untuk diamalkan.

yang membincangkan mengenai kedudukan orang-orang bukan Islam, seperti karangan Ibn al-Qayyim al-Jawziyat<sup>2</sup>, Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān<sup>3</sup> dan Yusuf al-Qardāwī<sup>4</sup>. Penulis tidak sekali-kali menganggap bahawa penulisan mereka sudah tidak mempunyai nilai dalam pengajian mengenai kedudukan orang-orang bukan Islam pada bila-bila masa pun, tetapi penulisan-penulisan mereka ini adalah sesuai dan relevan bagi suasana Islam tradisional. Yakni, dalam keadaan kuasa dan pengaruh Islam berada di kedudukan yang tinggi dan ideal, dan masyarakat bukan Islam tidak berpotensi untuk menjejaskan kedudukan masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, apabila keadaan berubah, masyarakat dunia lebih selesa menerima liberalisme<sup>5</sup> dan sekularisme<sup>6</sup>, dan pada masa

---

Golongan "dinamis" dirasakan amat sesuai untuk mewakili golongan yang menentang golongan fundamentalis. Ia dirasakan lebih sesuai untuk digunakan berbanding istilah "modernis" yang digunakan oleh orang-orang Barat kerana modernis merupakan golongan yang meninggalkan idea-idea fundamentalisme tanpa tolak ansur. Lihat William L. Reese, Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought, cet. semula (New Jersey: Humanities Press, 1980) 362 – 363. Sebaliknya dinamik (kata asal) secara literalnya bermaksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Lihat Hajah Noresah Baharom (1997), op. cit., 305. Maka golongan dinamis sudah tentu sekurang-kurangnya boleh dianggap sebagai golongan yang berfikir terbuka dan fleksibel dalam menggunakan hukum-hukum Islam sesuai dengan perubahan persekitaran yang berlaku. Golongan dinamis secara dasarnya tidak menentang idea-idea fundamental tetapi lebih melihat kesesuaiannya untuk diamalkan menurut perubahan yang berlaku.

<sup>2</sup> Ibn Qayyim (Shams al-Dīn Abī 'Abd Allah Muhammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyat), Ahkām Ahl al-Dhimmat (Beirut: Dār Ibn Hazm, 1997).

<sup>3</sup> 'Abd al-Karīm Zaydān, Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Musta'minīn fī Dār al-Islām (Beirut: Mu'assasat al-Risālat, 1982)

<sup>4</sup> Yūsuf al-Qarḍāwī, Ghair al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmī (Qāhirah: Maktabat Wahbat, 1977). Dalam kitab ini, Yūsuf al-Qarḍāwī memang membincangkan perkara ini secara ideal. Walau bagaimanapun, sebagai seorang tokoh ilmu Islam yang hidup dalam dunia moden, beliau turut menyumbangkan pemikirannya dalam persoalan-persoalan semasa secara realistik. Ini boleh dilihat dalam analisis yang dibentangkan dalam penyelidikan ini, terutama dalam bab keempat nanti.

<sup>5</sup> Secara asasnya liberalisme bermaksud berpandangan luas. Ia merupakan satu fahaman yang menganjurkan manusia memiliki banyak kebebasan politik dan kebebasan diri, selain kebebasan dalam ekonomi. Lihat Tun Mohd. Salleh Abas, Kewarganegaraan dan Hak Asasi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988) 48 ; Collins Cobuild, English Dictionary, cet. semula (London: HarperCollins Publishers

yang sama orang Islam tidak mempunyai kekuatan seperti pada zaman-zaman tradisional, maka ketika ini penyelidikan-penyelidikan mengenai orang-orang bukan Islam amat wajar dilaksanakan menurut satu disiplin yang tersendiri, bersifat lebih dinamik dan mudah lentur (fleksibel). Ia bertujuan untuk menjadikan kajian-kajian seperti ini sebagai kajian-kajian yang relevan dengan dunia semasa dan menghasilkan resolusi atau cadangan-cadangan yang praktikal bagi kegunaan semasa. Disiplin atau pendekatan ini sebenarnya sesuai diaplikasi pada bila-bila masa sekalipun kerana, sekiranya perubahan sosio-politik merupakan satu gerakan perubahan yang kembali kepada suasana Islam yang ideal maka justifikasi fiqh terhadap kedudukan orang-orang bukan Islam juga merupakan justifikasi yang ideal.

Pengajian mengenai perubahan sosio-politik pula secara realitinya lebih cenderung untuk merujuk kepada idea-idea sosiologi Barat. Umpamanya, istilah modenisasi merupakan satu istilah khusus kepada perubahan sosio-politik.<sup>7</sup> Walaupun istilah ini secara positifnya difahami sebagai suatu proses pembangunan menuju ke arah tamadun manusia yang unggul, namun lazimnya menjadikan tamadun Barat sebagai kayu pengukur kepada modenisasi negara-negara lain di dunia.

---

Ltd., 1995) 958 ; Lihat Hajah Noresah Baharom (1997), op. cit., 806 dan Leon P. Baradat, Political Ideologies: Their Origins and Impact ed. ke-6 (Prentice - Hall International, Inc., 1997) 34 - 43.

<sup>6</sup> Sekularisme merupakan pemikiran yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. Hajah Noresah Baharom (1997), op. cit., 1213 dan Robert H. Lauer, Perspectives on Social Change, cet. Ke-2 (Boston: Allyn and Bacon, Inc., 1974) 225.

<sup>7</sup> Dalam percakapan seharian, 'perubahan' seringkali digunakan sebagai satu istilah yang sinonim dengan pembangunan, progres, evolusi dan proses fungsional. Guy E. Swanson, Social Change (Glenview: Scott, Foresman and Company, 1971) 2.

Penulis tidak menafikan bahawa cendekiawan-cendekiawan Islam di dunia telah menyedari sejak beberapa dekad yang lalu bahawa persoalan-persoalan kemasyarakatan (dalam bidang sains sosial) yang mana perubahan sosio-politik merupakan satu juzuk daripada bidang ini, memerlukan satu dimensi baru yang bebas dan tidak terikat dengan doktrin-doktrin yang dilahirkan oleh pemikiran-pemikiran sekular.<sup>8</sup>

Menyedari hakikat inilah, penulis berhasrat untuk menyumbangkan sesuatu sebagai menambahkan lagi sumbangan yang sedia ada dalam pengajian ini untuk mengiktiraf usaha-usaha ilmuan Islam ini selain mengiktiraf sendiri bahawa Islam sebenarnya mempunyai platformnya sendiri untuk membincangkan persoalan-persoalan dalam bidang sosiologi yang selama ini dibincangkan menggunakan disiplin-disiplin Barat. Dan mekanisme-mekanisme yang disediakan dalam Islam juga dapat dibuktikan sebagai menepati ciri-ciri yang diperlukan dalam pengajian sosial selain mempunyai piawaiannya yang tersendiri.

Kajian mengenai kedudukan bukan Islam sebagai individu atau masyarakat dalam perubahan sosio-politik di Malaysia adalah tergolong dalam penyelidikan yang memerlukan pendekatan-pendekatan yang dinamik dan fleksibel, sebagaimana yang telah penulis nyatakan di atas untuk melihat kedudukan golongan ini dalam keadaan yang praktikal dan relevan dengan

---

<sup>8</sup> Pada bulan April 1977 telah diadakan Persidangan Pertama Sedunia Tentang Pendidikan Islam yang membincangkan mengenai masalah-masalah sistem pendidikan yang dipengaruhi oleh sekularisme. Ini termasuklah mengenai sumber dan metodologi dalam Sains Gunaan dan Sains Sosial yang tidak diasaskan oleh agama. I.R. Al-Faruqi dan A.O. Naseef, *Sains Sosial dan Sains Tulen* terj. Mohamad Rafie Abdul Malek (K.L.: D.B.P., 1989) kata pengantar dan pasca-kata di kulit buku belakang.

suasana semasa. Dalam erti kata ia memerlukan perbincangan dalam keadaan yang lebih terbuka, mempertimbangkan bersama keadaan sekeliling dan latar belakang golongan ini.

Bertitik tolak daripada keperluan menggunakan pendekatan seperti inilah, penulis mengambil teori-teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh sosiologi Islam seperti Ali Syari'ati, Malik bin Nabi dan Ibn Khaldūn<sup>9</sup> untuk kita melihat dengan jelas konsep perubahan sosio-politik dan ruang lingkungannya.

Fungsi teori-teori ini adalah untuk memastikan bahawa perbincangan akan hanya berada dalam skopnya dan mengelakkan berlakunya kegelinciran perbincangan dengan membincangkan isu-isu yang terkeluar daripada landasan. Teori-teori ini juga berperanan untuk menjelaskan kepada kita bahawa setiap justifikasi terhadap persoalan semasa menurut fiqh adalah menurut keadaan semasa. Di sini penulis ingin menjelaskan bahawa hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. melalui al-Qur'an dan *al-Sunnah* merupakan hukum-hukum yang telah sempurna sifatnya. Namun, kita perlu memahami bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu, hukum-hukum tersebut tidak dapat dilaksanakan. Ada kemungkinan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan sosio-politik adalah faktor-faktor yang menghalang hukum-hukum ini diamalkan. Dalam keadaan ini, sudah tentu kita tidak boleh membiarkan satu-satu isu dibiarkan begitu sahaja tanpa ada penilaian dari sudut fiqh dan tidak diberikan alternatif hukum yang paling sesuai menurut suasana tersebut.

---

<sup>9</sup> Malik bin Nabi, *Ta'amulāt*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1979) : \_\_\_\_\_, *Fikrat Komunwilt Islāmīy*, cet. ke 2 (Kaherah: Maktabah 'Ammar, 1971; Ali Syari'ati, *On The Sociology of Islam*, terj. Hamid Algar, cet. semula (Berkeley: Mizan Press, 1979) dan Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Beirut: Muassasah Jammal, 1979).



Kesimpulannya, perbincangan sosio-politik menurut perspektif Islam akan membenarkan fiqh menjalankan fungsinya dengan sifat yang dinamik dan fleksibel. Seterusnya, fiqh dapat menilai dan memberi justifikasi terhadap kedudukan bukan Islam di Malaysia menurut situasi semasa secara bebas dan tidak terbelenggu dengan doktrin-doktrin fundamentalisme. Perkara inilah yang menjadi matlamat sebenar kepada penyelidikan ini.

### **(I) Permasalahan (Problematika Kajian)**

Permasalahan bagi kajian ini adalah berkisar tentang kedudukan bukan Islam dalam lingkungan perubahan sosio-politik yang berlaku di Malaysia. Kedudukan mereka dalam erti kata status, tanggungjawab, peranan, penglibatan dan pengiktirafan yang diberikan kepada mereka oleh masyarakat yang ada di Malaysia, pihak pemerintah dan undang-undang. Dalam perkara ini, sekurangnya ada lima permasalahan;

(a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kedudukan masyarakat bukan Islam berada sepertimana yang ada pada hari ini? Iaitu secara empirikalnya kita dapat melihat masyarakat bukan Islam memiliki kebebasan yang sama dalam aspek sosio-politik sebagaimana masyarakat Islam.

(b) Adakah faktor-faktor perubahan tersebut perlu dikekalkan sebagai agen aktif yang dapat meneruskan gerakan perubahan sosio-politik yang dinamik dan masih relevan dengan Syariat Islam, ataupun ia memerlukan pemantauan agar tidak bercanggah dengan prinsip Syariah?

(c) Adakah peranan yang dimainkan oleh orang-orang bukan Islam di Malaysia sesuai dengan prinsip Syariah?

(d) Bagaimanakah fiqh berperanan untuk membaiki kelemahan yang ada seandainya peranan yang dimainkan orang-orang bukan Islam itu tidak sesuai? Sekiranya peranan mereka ini sesuai, bagaimana pula fiqh perlu berperanan untuk mengekalkan keadaan yang sedia ada?

(e) Adakah wujud kesan-kesan jangka panjang yang negatif terhadap kepentingan dan masa hadapan Islam di Malaysia jika kedudukan orang-orang bukan Islam dikekalkan berada dalam sistem yang ada sekarang?

## **(II) Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Tujuan pertama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan jawapan yang tepat berkenaan status orang-orang bukan Islam di Malaysia dari sudut fiqh.

(b) Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan perubahan berlaku dalam menentukan satu-satu hukum atau penilaian terhadap orang-orang bukan Islam mengenai tindakan yang dilakukan oleh mereka ataupun kedudukan yang diterima oleh mereka daripada pemerintah dan undang-undang dalam aspek sosial, ekonomi dan politik di

Malaysia. Umpamanya mengenai penglibatan mereka dalam aktiviti politik di negara ini.

(c) Kajian turut bertujuan untuk mengenalpasti mekanisme-mekanisme yang boleh digunakan di dalam teori fiqh dalam menjawab persoalan-persoalan mengenai kedudukan orang-orang bukan Islam dan relevan dengan perubahan sosio-politik yang berlaku.

(d) Ia juga bertujuan untuk melihat bagaimana fiqh menyelia dan memantau perubahan-perubahan yang berlaku dalam aspek sosio-politik supaya perubahan-perubahan ini merupakan perubahan-perubahan yang dinamik tetapi masih tidak menjejaskan kepentingan agama Islam.

(e) Kajian yang dilaksanakan ini turut bertujuan untuk mewujudkan satu kerangka baru bagi dasar perhubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam di Malaysia. Kerangka ini mungkin hasil pengubahsuaian dan pembinaan semula daripada kerangka yang sedia ada (*reconstruction of framework*) ataupun satu kerangka baru yang tidak ada kena mengena dengan kerangka yang sedia ada tetapi tetap praktikal dan relevan dengan suasana semasa. Kerangka yang dibentuk ini juga boleh diaplikasi bagi perhubungan bersifat antarabangsa.

(f) Selain tujuan-tujuan di atas, kajian ini bertujuan untuk mengelakkan salah faham atau kekeliruan terhadap fleksibiliti fiqh atau toleransi Islam dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kepercayaan seperti di Malaysia.

### **(III) Hipotesis**

Kajian ini bertitik tolak daripada beberapa hipotesis. Ia adalah maklumat sementara yang diperoleh penulis berdasarkan kepada pembacaan penulis dan perbincangan-perbincangan yang diadakan secara formal ataupun tidak formal.

Hipotesis utama bagi kajian ini adalah, toleransi yang terkandung dalam agama Islam telah menjadi asas utama kepada peranan orang bukan Islam dalam perubahan sosio-politik di Malaysia.

Selain hipotesis utama di atas, ada beberapa hipotesis lain yang menjadi persoalan. Antaranya ialah, masyarakat Islam tempatan mempunyai peranan yang amat memberi kesan kepada kedudukan orang-orang bukan Islam dalam aspek sosio-politik.

Hipotesis berikutnya ialah, kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan memberikan kesan secara langsung kepada kedudukan orang-orang Islam di Malaysia yang memberikan kelebihan kepada penganut Islam berbanding orang-orang bukan Islam.

Hipotesis selanjutnya ialah, perdamaian yang menjadi asas kepada perhubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam pada masa ini adalah diasaskan kepada kerangka perhubungan yang dibentuk oleh pihak penjajah yang berteraskan kepada pemikiran sekular.

Selain daripada hipotesis-hipotesis di atas, penulis turut mengandaikan bahawa orang-orang bukan Islam di Malaysia bukanlah dalam kategori orang-orang kafir yang halal untuk diperangi. Kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia yang saling hormat-menghormati adalah faktor paling minima yang boleh diterima untuk menyokong hipotesis ini.

Hipotesis terakhir ialah, fiqh secara dasarnya bersifat fleksibel dan dinamik. Ia dapat memberikan alternatif-alternatif hukum yang sesuai dengan perubahan sosio-politik yang menjadi persekitarannya.

#### **(IV) Skop Kajian**

Skop kajian ini difokuskan kepada bukan Islam yang merujuk kepada individu atau masyarakat. Sesetengahnya merujuk kepada syarikat yang dimiliki oleh orang bukan Islam. Bagi individu atau masyarakat, ia lebih tertumpu kepada kaum Cina, India dan juga Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Kajian ini juga menumpukan soal faktor-faktor yang menyebabkan perubahan sosio-politik di Malaysia dan kedudukan orang-orang bukan Islam. Orang-orang bukan Islam juga turut dilihat sebagai agen perubahan yang mengakibatkan perubahan sosio-politik di Malaysia secara amnya dan sebagai faktor yang menentukan sendiri kedudukan mereka sebagaimana pada hari ini.

Skop kajian juga memberi perhatian kepada polisi atau dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan yang memberikan kesan kepada kedudukan orang bukan Islam ataupun kepada kepentingan Islam.

Kajian ini turut menumpukan perhatian terhadap mekanisme-mekanisme yang ada di dalam Syariah untuk mengurus dan menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang bersifat semasa. Iaitu dalam erti kata menumpukan peranan yang dimainkan oleh fiqh dengan sifatnya yang dinamik dan fleksibel dalam menilai persoalan-persoalan semasa.

Kajian turut menganalisis dasar perhubungan di antara orang Islam dengan orang bukan Islam di Malaysia. Tumpuan ini juga bermaksud menyentuh asas kepada sistem yang membenarkan satu-satu dasar perhubungan itu untuk diamalkan.

#### **(V) Metodologi Kajian**

Secara amnya, metodologi yang digunakan adalah penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan (*literature review*), menggunakan kaedah pengumpulan data dan menggunakan kaedah analisa data. Kaedah pertama adalah membina rangka teori konsep dengan mengkaji bahan-bahan yang sedia ada. Kaedah kedua pula merupakan pengumpulan data melalui bahan-bahan perpustakaan dan pusat-pusat sumber daripada jabatan-jabatan. Selain itu kaedah kedua turut menggunakan kaedah pengumpulan data secara lapangan, iaitu dengan kaedah wawancara dan observasi. Kaedah yang ketiga ialah penganalisan kajian secara komparatif.

Kajian paling awal yang penulis jalankan adalah dengan merujuk kepada kajian-kajian spesifik berkenaan kedudukan bukan Islam yang telah dibuat sebelum ini. Sepanjang kajian yang telah dijalankan oleh penulis, kebanyakan

rujukan-rujukan yang ditemui menggunakan metodologi deskriptif dan historikal; iaitu sebagai kajian yang hanya menjelaskan orang-orang bukan Islam di bawah undang-undang Syariah dengan hukum-hukum Islam yang ideal, ataupun menghuraikan kedudukan orang-orang bukan Islam yang berada dalam pemerintahan klasik Islam. Umpamanya, Ibn Qayyim ( Shams al-Dīn Abi 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyat), Ahkām Ahl al-Dhimmat ( Beirūt: Dār Ibn Hazm, 1997), 'Abd al-Karīm Zaydān, Ahkām al-Dhimmiyyīn wa al-Musta'minīn fī Dār al-Islām ( Beirūt: Mu'assasat al-Risālat, 1982) dan Yūsuf al-Qarḍāwī, Ghair al-Muslimīn fī al-Mujtama' al-Islāmi (Qāhira: Maktabat Wahbat, 1977). Ini sudah tentu hanya dapat membantu penulis menjadikan hukum-hukum yang ideal sebagai garis panduan kasar dan kurang membantu untuk mendapatkan jawapan yang lebih sempurna dan terperinci berhubung kedudukan orang bukan Islam sesuai dengan perubahan semasa.

Oleh kerana itu penulis telah melakukan penyelidikan terhadap penulisan-penulisan yang tidak memfokuskan kepada kedudukan orang bukan Islam secara fundamental tetapi menumpukan kajian terhadap perubahan hukum disebabkan berlakunya perubahan sosio-politik di dalam sesebuah keadaan atau masyarakat. Secara tidak langsung penulis telah mendapati hukum-hukum yang sesuai untuk menjelaskan kedudukan orang-orang bukan Islam secara relevan dengan situasi semasa. Ini penulis lakukan dengan merujuk penulisan- penulisan yang dihasilkan oleh 'Abd al-Hamīd Ahmad Abū Sulaymān, 'Abd al-Wahhāb Khallāf, Al-Mawdūdī dan Dr. Yūsuf al-Qardawī<sup>10</sup> yang mana penulisan-penulisan

---

<sup>10</sup> 'Abd al-Hamīd Ahmad Abū Sulaymān, "The Islamic Theory of International Relations: Its Relevance, Past and Present," Disertasi, University of Pennsylvania, 1973; 'Abd al-Wahhāb al-Khallāf, al-Siyāsah al-Syar'iyyah, ed. ke 2 ( Beirūt: Mu'assasat al-Risālat , 1981); Sayyid Abū al-A'lā al-Mawdūdī, The Islamic Law and Constitution, terj. Prof.

mereka lebih relevan dengan perubahan zaman. Ini adalah sebahagian daripada kaedah pengumpulan data iaitu berhubung hukum hakam yang boleh diaplikasi dalam memberi justifikasi kepada kedudukan orang bukan Islam di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan perubahan sosio-politik merupakan elemen yang amat mempengaruhi hukum-hukum yang akan diberikan kepada kedudukan orang-orang bukan Islam, maka tulisan-tulisan Ibn Khaldūn, Dr. 'Alī Syari'atī dan Malik bin Nābi<sup>11</sup> adalah sumber-sumber yang menjadi dasar kepada kajian ini. Tulisan-tulisan mereka ini berperanan sebagai penentuan kepada konsep perubahan sosio-politik yang dapat diterima oleh Syariah.

Pengumpulan data dalam kajian ini juga bermaksud mengambil peruntukan-peruntukan undang-undang yang mempunyai perkaitan dengan kedudukan orang bukan Islam di Malaysia.

Penulis telah menggunakan kaedah kajian secara tinjauan dengan menemuramah wakil badan-badan tertentu yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan polisi-polisi kerajaan. Umpamanya dengan menemubual pegawai yang terlibat di dalam merancang dan mencadangkan kuota pemilihan hartanah kepada bumiputera. Pertemuan dengan individu-individu terbabit bukanlah semestinya berbentuk temubual, kerana kedapatan juga pertemuan

---

Khurshid Ahmad, ed. Ke 4 (Lahore: Islamic Publications Ltd., Mac 1969) dan Dr. Yūsuf al-Qardāwī, *Min Fiqh al-Dawlat fī al-Islām* (Qāhirat: Dār al-Syurūq, 1996).

<sup>11</sup> Dr. 'Alī Syari'atī, *On The Sociology of Islam*, terj. Hamid Algar, cet. semula (Berkeley: Mizan Press, 1979); Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Beirut Muassasah Jammal, 1979) dan Malik bin Nābi, *Ta'āmulāt*, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1979).



dengan mereka merupakan penyerahan maklumat atau pun data bertulis oleh pihak kerajaan.

Mungkin boleh dianggap bahawa kajian secara pengembangan merupakan sebahagian daripada kajian komparatif. Ini kerana, bagi penyelidikan ini kaedah komparatif adalah lanjutan daripada kaedah ini (pengembangan). Kaedah pengembangan menjelaskan perubahan dan perkembangan yang berlaku. Kajian ini memerlukan penulis melihat perubahan dan perkembangan sosio-ekonomi dan politik masyarakat di Malaysia sejak sebelum kemerdekaan, pasca-merdeka dan selepas Dasar Ekonomi Baru selesai dilaksanakan.

Setelah pemerhatian terhadap perubahan dan perkembangan dilaksanakan, penulis akan menggunakan pula kaedah komparatif. Umpamanya, penulis akan membandingkan status sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia pada era sebelum Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan dan selepas Dasar Ekonomi Baru selesai dilaksanakan.

Analisis komparatif juga merupakan pendekatan yang membandingkan beberapa pendapat di kalangan para fuqaha' yang bersifat fundamentalis dan dinamis bagi mendapatkan asas yang sesuai kepada perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam dalam keadaan semasa.

Ringkasnya, pendekatan-pendekatan yang penulis jalankan adalah mengikut keperluan kajian ini untuk mendapatkan hasil-hasil kajian yang bernas dan mempunyai nilai.

## **(VI) Struktural Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian atau bab. Bab Pertama adalah bab yang membincangkan mengenai konsep perubahan sosio-politik dan fiqh. Hasil perbincangan ini kemudiannya membentuk landasan teori kepada kajian yang dijalankan. Bab ini berfungsi sebagai sistem nilai dan menjadi kayu ukur dalam menentukan nilai data-data yang akan dikemukakan dalam bab-bab berikutnya.

Bab Pertama ini merangkumi pendapat ahli-ahli sosiologi Barat dan Islam berkenaan konsep dan teori perubahan sosio-politik. Pendapat-pendapat mereka ini semua disimpulkan untuk mendapatkan satu pengertian berkenaan perubahan sosio-politik yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Teori perubahan sosio-politik ini kemudiannya dihubungkan dengan teori fiqh untuk mendapatkan satu asas pertimbangan bagi menilai dan memberi justifikasi kepada data-data kajian. Yakni yang mempunyai kaitan dengan kedudukan orang bukan Islam menurut perubahan semasa.

Bab Kedua pula merupakan perbincangan kepada perubahan sosio-politik yang berlaku di Tanah Melayu (Malaysia). Bab ini lebih bersifat sejarah dan berfungsi sebagai latar belakang kepada kajian. Ia membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan berlaku terutamanya yang melibatkan orang-orang bukan Islam. Ia membincangkan punca-punca yang mengakibatkan orang-orang bukan Islam telah mengubah struktur sosial orang-orang Islam tempatan dan sebagai agen yang berperanan secara aktif dalam perubahan sosio-politik yang dialami oleh masyarakat dan negara. Bab ini juga

membincangkan mengenai perhubungan antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam dalam mencorakkan perubahan sosio-politik dalam negara.

Bab Ketiga pula adalah lanjutan kepada perbincangan Bab Kedua. Jika Bab Kedua lebih bersifat sejarah, bab ini pula membincangkan mengenai kedudukan orang-orang bukan Islam dalam konteks semasa. Bab ini turut menyentuh kedudukan orang bukan Islam dari aspek sosio-ekonomi, undang-undang dan politik. Kedudukan mereka ini dilihat dari dua aspek, iaitu yang pertama; kedudukan yang mereka terima daripada pihak undang-undang dan pemerintah dan kedua; peranan dan penglibatan yang dapat mereka mainkan dalam gerakan perubahan sosio-politik dalam negara.

Bab Keempat merupakan klimaks kepada kajian. Bab ini adalah bab yang menghimpunkan kesemua hasil-hasil perbincangan sebelumnya dalam bentuk menganalisis data-data yang terkandung dalam Bab Kedua dan Ketiga dengan menggunakan penimbang tara yang telah dihasilkan dalam Bab Pertama. Walaupun konsep fiqh telah dinyatakan (dalam Bab Pertama) berperanan untuk memberi justifikasi dan hukum kepada data-data yang ada, tetapi ia hanya dibincangkan secara umum sahaja. Maka dalam menganalisis data-data, fiqh yang diaplikasi dalam Bab Keempat ini adakalanya telah diterjemahkan dalam bentuk yang lebih sofistikated dan lebih spesifik istilahnya dalam memenuhi keperluan menyelesaikan persoalan-persoalan semasa. Umpamanya menggunakan pendekatan *siāsat syar'iyyat, al-maṣāliḥ al-mursalaṭ* dan *sad al-dharāʾī*. Selain menganalisis data-data, bab ini juga turut memberi cadangan atau alternatif yang dirasakan lebih sesuai dan menepati prinsip Syariah. Umpamanya

mewujudkan satu kerangka dasar perhubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam yang lebih dinamik, pratikal dan relevan dengan situasi semasa dan tidak bercanggah dengan kepentingan Syariah.

Bab Kelima merupakan bab terakhir kepada kajian ini. Bab ini adalah suatu rumusan penyelidikan selain mengandungi jawapan bagi hipotesis-hipotesis yang menjadi faktor penggerak kepada kajian. Selain itu bab ini turut memberikan saranan untuk membantu negara bergerak ke arah perubahan yang lebih dinamik dan relevan dengan dinamisme perubahan sosio-politik Islam.

## KANDUNGAN

|                             |     |
|-----------------------------|-----|
| Pendahuluan.....            | i   |
| (i) Permasalahan.....       | vi  |
| (ii) Objektif Kajian.....   | vii |
| (iii) Hipotesis.....        | ix  |
| (iv) Skop Kajian.....       | x   |
| (v) Metodologi .....        | xi  |
| (vi) Struktural Kajian..... | xv  |

## TENTATIF KAJIAN

### BAB PERTAMA

#### TEORI PERUBAHAN SOSIO-POLITIK DALAM FIQH ISLAM

|     |                                                                       |    |
|-----|-----------------------------------------------------------------------|----|
| 1.0 | Pendahuluan.....                                                      | 2  |
| 1.1 | Perubahan Sosio-Politik.....                                          | 3  |
|     | 1.1(a) Perubahan Sosial.....                                          | 3  |
|     | 1.1 (b) Perubahan Politik.....                                        | 6  |
|     | 1.1.1 Faktor-faktor Perubahan Sosio-Politik.....                      | 11 |
|     | 1.1.2 Teori Perubahan Sosial: Perspektif Pemikir Sosiologi Islam..... | 16 |
|     | 1.1.2.1 Dr. Ali Syari'ati.....                                        | 16 |
|     | 1.1.2.2 Ibn Khaldun.....                                              | 20 |
|     | 1.1.2.2 (a) Teori Determinisme Edaran Ibn Khaldun.....                | 21 |
|     | 1.1.2.3 Malik bin Nabi ... ..                                         | 24 |
|     | 1.1.2.3 (a) Pengisian dalam Perubahan .....                           | 24 |

|                                                                                 |    |
|---------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.1.2.3 (b) Malik bin Nabi dan Faktor-faktor Perubahan .....                    | 26 |
| 1.1.2.3 (b) Konsep Edaran Menurut Malik bin Nabi .....                          | 29 |
| 1.2 Teori Fiqh dan Perubahan .....                                              | 34 |
| 1.2.1 Teori Perhubungan Islam-Bukan Islam Menurut Perubahan Sosio-Politik ..... | 37 |
| 1.2.1 (a) Teori Konflik .....                                                   | 38 |
| 1.2.1 (b) Teori Perdamaian .....                                                | 42 |
| 1.2.2 Teori Perdamaian dan Perubahan Sosio-politik .....                        | 48 |
| 1.2.3 Teori Perdamaian dan Konsep Ummah .....                                   | 52 |
| Kesimpulan .....                                                                | 57 |

## **BAB KEDUA**

### **SEJARAH DAN KEDUDUKAN BUKAN ISLAM DALAM PERUBAHAN SOSIO-POLITIK DI MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 1971**

|                                                                                                                                       |     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.0 Pendahuluan.....                                                                                                                  | 69  |
| 2.1 Sejarah dan Latar belakang Kependudukan Bukan Islam di Tanah Melayu.....                                                          | 70  |
| 2.2 Kedudukan Bukan Islam Dalam Perubahan Sosio-Politik Malaysia .....                                                                | 74  |
| 2.3.1 Tragedi 13hb. Mei 1969: Implikasinya Terhadap Kedudukan Orang Islam dan Bukan Islam di Malaysia dalam aspek sosio-politik ..... | 99  |
| Kesimpulan.....                                                                                                                       | 110 |

### **BAB KETIGA**

#### **KEDUDUKAN BUKAN ISLAM DALAM PERUBAHAN SOSIO- POLITIK DI MALAYSIA SELEPAS TAHUN 1971**

|     |                                                        |     |
|-----|--------------------------------------------------------|-----|
| 3.0 | Pendahuluan .....                                      | 121 |
| 3.1 | Latar belakang Sosio-Ekonomi Masyarakat Malaysia ..... | 122 |
| 3.2 | Kedudukan Bukan Islam dalam Aspek Ekonomi .....        | 127 |
| 3.3 | Kedudukan Bukan Islam dalam Aspek Sosial .....         | 136 |
| 3.4 | Kedudukan Bukan Islam dalam Aspek Politik .....        | 141 |
|     | Kesimpulan .....                                       | 161 |

### **BAB KEEMPAT**

#### **KEDUDUKAN BUKAN ISLAM DALAM PERUBAHAN SOSIO- POLITIK DI MALAYSIA : ANALISIS BERDASARKAN KEPADA TEORI FIQH**

|       |                                                                                                                      |     |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.0   | Pendahuluan .....                                                                                                    | 171 |
| 4.1   | Idea-idea Sekular Sebagai Faktor Perubahan dan Hubungannya<br>dengan Perhubungan Islam-Bukan Islam di Malaysia.....  | 172 |
| 4.2   | Status Bukan Islam dalam Perubahan Sosio-politik di Malaysia<br>Menurut Fiqh .....                                   | 185 |
| 4.3   | Kedudukan Bukan Islam dalam Perubahan Sosial dan Ekonomi di<br>Malaysia Menurut Fiqh .....                           | 194 |
| 4.3.1 | Prerogatif bagi Masyarakat Islam dan Sekatan Pemilikan<br>Hartanah bagi Bukan Islam: Penilaiannya Menurut Fiqh ..... | 201 |

|       |                                                                                                        |     |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.3.2 | Kebebasan Asasi dan Prerogatif dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Analisa dari Aspek Pemikiran..... | 204 |
| 4.4   | Kedudukan Bukan Islam dalam Perubahan Politik di Malaysia Menurut Fiqh.....                            | 206 |
| 4.4.1 | Penglibatan Bukan Islam dalam bidang Politik di Malaysia: Penilaiannya Menurut Fiqh .....              | 209 |
| 4.4.2 | Kolaborasi Bukan Islam di dalam Sistem Politik Demokrasi: Penilaiannya Menurut Fiqh .....              | 213 |
| 4.5   | Applikasi Teori Perubahan dan Perhubungan Berasaskan Kepada Perubahan Sosio-Politik Semasa .....       | 219 |
| 4.5.1 | Teori Konflik Muslim Fundamentalists .....                                                             | 222 |
| 4.5.2 | Teori Keseimbangan ( <i>equilibrium theory</i> ) <i>Modernist-cum-Nasionalist</i> .....                | 226 |
| 4.5.3 | Teori Perdamaian Muslim Dinamis .....                                                                  | 230 |
|       | Kesimpulan .....                                                                                       | 234 |

## BAB KELIMA

### KESIMPULAN

|     |                                                                                               |     |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.0 | Pendahuluan – Ringkasan Kajian .....                                                          | 243 |
| 5.1 | Rumusan .....                                                                                 | 247 |
| 5.2 | Penilaian dan Cadangan Terhadap Dasar Kerajaan Malaysia Berhubung Kedudukan Bukan Islam ..... | 252 |
| 5.3 | Cadangan Jangka Panjang (Pengubahsuaian Dasar dan Sistem) .....                               | 260 |



|                   |     |
|-------------------|-----|
| BIBLIOGRAFI ..... | 266 |
|-------------------|-----|

## LAMPIRAN